

## *A New Deal for Asia – Apakah ‘Deal’ Itu?* *A New Deal for Asia - What is the ‘Deal’?*

SIVAMURUGAN PANDIAN

### ABSTRAK

*Makalah ini mengupas pemikiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bukunya, A New Deal For Asia, yang ditulis selepas kegawatan ekonomi tahun 1997. Apabila spekulator matawang asing menyerang rantau Asia, gergasi kecil ekonomi Asia sukar berhadapan dengan serangan tersebut dan hampir kesemua negara di rantau ini menghadapi laluan sukar untuk pulih semula. Kejayaan Asia Timur seolah-olah sudah berakhir. Makalah ini melihat apakah ‘new deal’ yang cuba diketengahkan oleh Dr. Mahathir dan sejauh manakah negara di Asia mampu bangkit semula di era pasca krisis ekonomi ini? Makalah ini juga memberi fokus kepada persoalan fungsi ekonomi global sebagai sebahagian daripada cadangan ‘new deal’ Dr. Mahathir untuk masa hadapan komuniti global. Pemikiran Dr. Mahathir ini dianggap berbeza dengan sumbangan pemimpin dunia lain kerana reformasi yang cuba beliau bawa ke peringkat global bertujuan mengukuhkan ekonomi dalam negara. Pada waktu yang sama ‘new deal’ Dr. Mahathir juga menampakkan sokongan berterusan beliau untuk mempertahankan nilai masyarakat Asia supaya akan menjadi senjata untuk berhadapan dengan cabaran di masa akan datang. Ini dianggap akan membawa kepada pembentukan komuniti world century dengan negara, individu dan rantau yang mempunyai peluang yang sama.*

### ABSTRACT

*This article reviews Tun Dr. Mahathir Mohamad’s thoughts in his book, A New Deal For Asia, written after the 1997 financial crisis. When currency speculators attacked Asian region, the Asian Economic Tigers could not face the battle and were badly bruised. The East Asian miracle was demolished. This article examines the ‘new deal’ and how Asian countries can reinstate after the financial crisis period. This article will also focus on how Dr. Mahathir looked at the global economic function for the future of global communities as one of the new deal proposed. Dr. Mahathir’s thoughts are different from other world leaders in facing the economic crisis because he believed that global reformation would help to support and strengthen domestic economy. This article also looks at Dr. Mahathir’s hopes and beliefs to make the Asian values a tool to face future challenges. If the Asian communities are consistent with these values, Dr. Mahathir’s ‘new deal’ will be able to form a world century community where all nations, people and regions have the same opportunities.*

## PENGENALAN

*A New Deal For Asia* (Mahathir 1999) merupakan antara buku Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memaparkan kesinambungan idea pemikiran yang pernah beliau kemukakan sebelum ini tetapi dengan pengubahsuaian yang menampakkan perbezaan di dalam kesinambungan pemikiran. Jika hampir kesemua buku beliau sebelum ini bertemakan isu tempatan, buku ini dianggap istimewa kerana beliau telah menerokai Asia secara menyeluruh dari mula sehinggalah kepada penghujung ayat buku ini.

*Deal* bukanlah satu perkataan baru dalam tuturbicara kepimpinan. Apabila Presiden Roosevelt menjadi Presiden Amerika Syarikat pada tahun 1933, beliau telah melahirkan program yang bertujuan menstimulasi ekonomi, membuka peluang pekerjaan dan membawa pembaharuan ekonomi yang dikenali sebagai *New Deal*. Namun, apabila Presiden Harry Truman menggantikan Presiden Roosevelt pada tahun 1945, beliau cuba menjadikan *New Deal* Roosevelt sebagai *Fair Deal* yang lebih mengutamakan agenda pembaharuan perundangan yang cuba mengubah jurang antara yang kaya dan miskin serta membawa penyelesaian terhadap masalah sosial yang melanda masyarakat Amerika ketika itu (Hamby 1973). Program *Fair Deal* beliau, walaupun satu kesinambungan dari *New Deal*, lebih merupakan penelitian terhadap program sosial. Namun, hanya sebilangan sahaja yang berjaya diluluskan sebagai undang-undang.

Makalah ini pula akan menjejaki apa yang cuba disampaikan oleh Dr. Mahathir kepada pembaca, pemikirannya yang melangkaui persoalan tempatan yang turut melibatkan isu global dan penampilan Asia di pentas utama.

### *A NEW DEAL FOR ASIA* – MENJEJAKI ‘*DEAL*’ PEMIKIRAN DR. MAHATHIR

Antara isu yang dipaparkan dalam penulisan ini adalah:

1. Kedudukan ekonomi Asia
2. Amalan spekulator
3. Kecaman ke atas Barat dan penjajahan semula
4. Nilai-nilai masyarakat Asia
5. Pencapaian Dasar Pandang ke Timur
6. Pembentukan sistem nilai baru – Pembinaan semula masyarakat Asia Timur
7. Kedudukan Jepun
8. Dari *Asian Century* kepada *World Century*

‘*Deal*’ Dr. Mahathir untuk Asia bukan sahaja bersifat reformasi ekonomi domestik, tetapi juga reformasi ekonomi global selain untuk memulihkan semula nilai masyarakat Asia yang dikongsi bersama dan bersedia mencabar beberapa perkara asas dalam kapitalisme global. Inilah yang dianggap sebagai *deal* untuk

Asia maju ke hadapan semula selepas melalui krisis ekonomi yang buruk pada tahun 1997-1998. Tumpuan utama beliau adalah ke atas *currency traders* dan spekulasi kewangan yang dianggap tamak dan menyebabkan berjuta-juta rakyat Asia menderita.

... *GREED. AN INCESSANT greed for money and instant material gain has impoverished Asia. A whole region which took pride in its economic achievements over the last few decades, and which was praised by countries around the world as the global engine of growth and prosperity, suddenly came under the attack of currency traders and financial speculators. Currency after currency, country after country were felled by the so-called "free market forces", and virtually overnight Asian prosperity disappeared into thin air.* (Mahathir 1999: 7)

Malahan hal ini juga dianggap telah menyebabkan matlamat kerajaan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 terganggu. Apabila nilai matawang negara merosot, peristiwa tersebut turut dianggap menyumbang kepada ketidakpastian masa depan atau halatuju negara. Beliau berpendapat apa yang berlaku adalah lebih daripada persoalan ekonomi dan wang. Keyakinan dan *self-esteem* runtuh kerana kemerosotan nilai matawang. Malahan, krisis ekonomi di Asia dianggap menimbulkan sentimen anti-Barat. Keadaan ini dianggap sebagai kolonialisme baru Barat melalui ekonomi berikutan syarikat dan agensi mereka cuba mengambilalih syarikat tempatan pada harga yang rendah.

Dr. Mahathir berpendapat Asia harus keluar terus dari belenggu tersebut dan membina semula Asia.

... *Asia must be rebuilt, and this time on more solid foundations than before. We must move forward tirelessly in our efforts to restore not only the values of our markets, but also the pride and self-confidence of our peoples.* (Mahathir 1999: 10)

Apa yang harus dipelajari dari krisis 1997 adalah bahawa kesemua masyarakat Asia berkongsi masa depan yang sama dan bahawa cabaran fundamental ke atas kapitalisme global harus ditangani dengan cara baru. Dari awal penulisan, sudah tergambar kekecewaan beliau yang dianggap satu ketika dahulu dikenali sebagai *Spokesman for Asia* (Mahathir 1999:11) dan sebagai seorang yang mempertahankan nilai-nilai masyarakat Asia serta sebagai *Master Planner*. Walau bagaimanapun, gelaran tersebut beralih kepada *The Angry Man* sewaktu krisis 1997. Beliau juga tidak bersetuju imej Barat membayangi Asia – "*Asia cannot be remade in the image of the West*" (Mahathir 1999: 12). Asia dianggap tidak homogen dan wajar dibenar membangun berdasarkan tahap dan matlamat masing-masing.

... *each Asian nation has the right, and should have the opportunity, to choose its path of development, and the way in which it wishes to participate in the global economic game.* (Mahathir 1999: 12)

Kebanyakan dasar dan imej kepimpinan beliau banyak bersandar kepada persekitaran beliau ketika membesar di zaman penjajahan dan banyak kritikan

beliau dipengaruhi oleh dunia penjajahan Malaya. Sejarah dilihat penting untuk membentuk masyarakat, iaitu satu tema yang diulangi di dalam kesemua penulisan beliau.

*... the environment in which I grew up and saw the Asian countries come of age, I realize that there is much we can learn from this history. As we stand today, aiming to rebuild a stronger Asia, let us not forget the lessons of the past.* (Mahathir 1999: 12)

Penjajah dianggap suka menjanjikan sesuatu tetapi pada realitinya membuat sesuatu yang lain. Pada ketika itu Asia dianggap sebagai sebuah rantau yang tidak memiliki maruah dan ekonomi negara Asia lebih tertumpu untuk memenuhi pasaran Eropah. Di sebaliknya, Dr. Mahathir menerangkan bagaimana Asia telah berkembang ke arah kemajuan pada hari ini. Kadar pertumbuhan yang pesat merupakan satu yang harus dibanggakan oleh Asia kerana tidak ada rantau yang berjaya melepaskan diri dari kemunduran untuk menuju ke arah kemajuan dalam kadar yang cepat. Malahan, hal ini menyebabkan Asia digelar *economic tigers* dan *dragons* sehingga diminta dijadikan model contoh bagi negara-negara membangun di rantau lain. Di Eropah mereka digelar *East Asian Miracle* seolah-olah kejayaan yang dikecapi bukan berdasarkan keazaman berkerja kuat atau berdasarkan kebolehan orang Asia, tetapi majlis semata-mata. Mungkin ini dilihat sebagai kesinambungan dari mentaliti mereka sebagai penjajah seolah-olah orang Asia tidak berkeyakinan membentuk mitos bergantung kepada orang lain. Situasi ini dianggap sebagai warisan dan Barat dianggap sebagai *master* atau pemimpin dan orang Asia sebagai pengikutnya. Bagi Dr. Mahathir, keajaiban (*miracle*) bukannya dari segi ekonomi, tetapi lebih daripada itu.

*... the miracle, if there ever was one, has first of all been that East Asians were able to break loose from this myth, regain confidence in themselves and continue to show both themselves and the world how unjust and incorrect the colonial assumptions had been.* (Mahathir 1999: 29)

Terdapat pelbagai faktor yang Dr. Mahathir anggap sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Asia. Antaranya, hubungan resiprokal antara faktor geopolitik, ekonomi, sosial dan budaya, intipati *deal* ini. Walau bagaimanapun, bantuan pembangunan oleh pihak asing dianggap tidak memainkan sebarang peranan di dalam pergerakan ekonomi rantau ini. Ini kerana banyak bantuan asing yang telah disalahgunakan sehingga negara-negara mundur terus bergantung kepada bantuan tersebut daripada negara-negara yang telah membangun. Malaysia tidak pernah bergantung kepada pinjaman besar-besaran daripada kerajaan asing dan terus cemerlang dengan berdasarkan ekonomi domestik negara. Keteguhan sikap nasionalisme beliau yang dilihat di dalam buku-buku sebelum ini juga tertera di dalam penulisan ini apabila beliau menyatakan bahawa adalah wajar untuk pihak penjajah membayar semula hutang negara yang dijajah.

*... when Malaysia was a colony, a lot of our wealth flowed to Europe and made Europeans rich, so in a way it was only natural that they should want to pay back this debt. (Mahathir 1999: 31)*

Walaupun bantuan asing tidak memainkan peranan, tetapi pelaburan langsung asing telah memainkan peranan yang penting. Insentif cukai dan kos pengoperasian yang rendah telah menjadi rebutan perkhidmatan yang diberikan. Ini termasuk juga dasar serta penyesuaian ke atas elemen budaya yang membolehkan pertumbuhan ekonomi berterusan.

Tahun 1969 dianggap tahun yang penting ke arah penyesuaian yang dilakukan. Ini kerana ketidakseimbangan antara kaum menyebabkan rusuhan perkauman berlaku. Peristiwa tersebut juga melihat beliau dipecat daripada parti UMNO. Selepas rusuhan tersebut, kerajaan telah berkeputusan perlu adanya perubahan supaya akan tercapai kestabilan dan pertumbuhan jangka panjang. Majlis Gerakan Negara (NOC) telah ditubuhkan untuk mengenalpasti sebab-sebab asas wujudnya ketidakseimbangan ekonomi di kalangan penduduk. *National Consultative Council* (NCC) juga ditubuh untuk menghasilkan polisi baru bagi mestructurkan semula ekonomi yang membawa kepada DEB. Polisi ini memperlihatkan bagaimana kekayaan negara ditambah dan membantu anggota masyarakat yang miskin agar turut berkongsi kekayaan negara.

Dari aspek pendidikan, beliau mendapati banyak sekolah dibina dan biasiswa turut disediakan untuk orang Melayu. Di dalam bidang ekonomi pula, lesen dan kontrak kerajaan disediakan supaya dapat bersaing dengan orang Cina. Ini membolehkan isu kemiskinan dapat menemui jalan penyelesaian dan secara politiknya, kerajaan terus stabil tanpa ada insiden yang serius untuk menjatuhkan kepimpinan BN. Malahan krisis ekonomi tahun 1997 boleh dianggap tidak begitu memberi kesan keatas Malaysia kerana kejayaan DEB. Walaupun matlamat akhir DEB pada awalnya ditetapkan pada tahun 1990, tetapi *National Development Policy* (NDP) dibentuk untuk memfokus kepada pembangunan ekonomi yang berkualiti dan bukannya kuantiti.

Persoalan sistem nilai budaya baru yang diketengahkan di dalam buku-buku sebelum ini masih menjadi pilihan beliau. Mahathir berpendapat dengan kewujudan dasar baru, ia tidak mungkin berjaya tanpa adanya perubahan atau penyesuaian dengan nilai baru. Ini akan memudahkan orang Melayu berhadapan dengan komuniti yang lebih maju berbanding dengan hanya sekadar menjadi petani dan *petty trader*.

*... it was simply necessary to work harder, and in order for people to want to work harder, a new attitude towards work was imperative. Modernization of the mind has been a prerequisite to the modernization of the economy. (Mahathir 1999: 37)*

Prestasi sesebuah komuniti juga turut dikaitkan dengan sistem nilai yang membentuk asas budaya mereka. Menurut beliau lagi, sesebuah budaya yang menekankan kejayaan akan berjaya akhirnya dan berdasarkan inilah telah membawa kepada lahirnya Melayu Baru.

*... New Malay is someone who has a culture that is suitable to the changing times, who is willing to face all challenges, who can compete without assistance, who is educated and learned, sophisticated, disciplined, trustworthy and efficient. (Mahathir 1999: 39)*

Agama juga tidak wajar dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan ekonomi. Bahkan, agama juga menyumbang kepada kelahiran Wawasan 2020 agar negara menjadi sebuah negara industri yang membangun dalam semua aspek dan bukan aspek ekonomi semata-mata. Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat tersebut, pertama negara perlu menjadi moden dan seterusnya membangun dalam semua dimensi iaitu, ekonomi, politik, sosial, keagamaan, psikologi dan budaya.

Secara umumnya, ekonomi negara pernah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa sehingga Dr. Mahathir ada menyebut bagaimana Michael Camdessus, bekas Presiden International Monetary Fund (IMF) telah menyatakan dalam satu ucapannya bahawa Malaysia merupakan satu contoh terbaik dengan pihak pentadbiran sedar akan cabaran menguruskan tekanan dengan pertumbuhan serta meneruskan sistem kewangan berdasarkan pengaliran modal dan pasaran pemilikan (Mahathir 1999: 53). Malahan, IMF pernah menyatakan bahawa Malaysia menjustifikasi keyakinan pelabur terhadap pasaran. Walau bagaimanapun, selepas berlakunya krisis tahun 1997 pihak yang sama beranggapan bahawa kerajaan Asia Timur telah berbelanja berlebihan dan tidak merancang masa depan. Tidak ketinggalan negara-negara tersebut dianggap telah mengamalkan dasar dan penginstitusian yang lemah sehingga menyebabkan ekonomi turut lemah dan keyakinan pelabur juga beransur-ansur merosot. Ketika ekonomi berada dalam kedudukan yang baik, negara-negara ini dianggap mengikuti skil IMF tetapi apabila krisis timbul, skil yang sama dipersalahkan tanpa melihat kelemahan badan tersebut itu sendiri. Mahathir berpendapat, kesalahan tidak harus dipertanggungjawabkan ke atas kepimpinan semata-mata kerana pihak spekulator mata wang asing juga turut bertanggungjawab.

*... with all the West's insistence on transparency, why is currency trading allowed to be completely free from the inspection and reasonable control? Currency trading is not open or transparent, but, on the contrary, highly secretive. (Mahathir 1999: 59)*

Buku ini turut memuatkan bagaimana kuasa Barat dirasakan cuba mengguling kejayaan negara Asia. Antaranya, kepantasan pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut dianggap mampu menguasai ekonomi dunia. Malahan rantau ini dianggap mampu mengancam kekebalan kuasa hegemoni Barat, terutamanya dengan kehadiran China.

*... a major geo-economic and, with the emergence of China as a world power, also geopolitical shift were changing the status quo. East Asian nations had not merely become economic powerhouses, but also economic threats, particularly to the world's sole superpower, the United States. (Mahathir 1999: 60)*

Beliau juga turut mengkritik media Barat kerana menganggap beliau sebagai antara yang terlibat dalam konspirasi sehingga beliau dianggap *paranoia* dan

*xenophobia*, tetapi pada masa yang sama media tersebut membelakangkan penindasan yang dilakukan kuasa besar. Beliau mempersoal kebebasan akhbar kerana beliau berpendapat kebebasan tersebut perlu ada batasan tertentu supaya ... *'it is not used to rob others of their freedom, dignity or well-being'* (Mahathir 1999: 71) yang bertentangan dengan kebebasan mutlak Amerika yang memerlukan *'to instill creativity in the work force and to foster geniuses'* (Mahathir 1999: 72). Beliau menganggap kebebasan semacam itu akan meruntuhkan kestabilan memandangkan sistem nilai merupakan asas kepada kestabilan masyarakat dan pembangunan.

Pendudukan fizikal semata-mata bukan lagi bentuk penjajahan yang diamalkan kini, tetapi telah berubah kepada cubaan mendominasi kedudukan ekonomi sesebuah negara.

*... physical occupation is no longer the only form of colonialism; control through currency trading and coercive financial policies can have similar effects. Newly prosperous countries can be colonized by weakening their economies and turning them into beggars. This form of colonialism can be achieved without sacrificing the life of a single soldier. When a country becomes poor, it will be politically unstable and a power struggle will ensue. As a result, there will be successive changes in leadership until a candidate who is willing to submit to the world powers is found. This is a new, more subtle form of control, but it may very well be perceived as a form of economic colonization.* (Mahathir 1999: 63)

Walaupun semenjak merdeka Malaysia secara fizikalnya tidak berada di bawah kuasa asing, namun ekonominya boleh dianggap masih didominasi oleh syarikat asing selepas melalui krisis ekonomi. Ini tidak bermakna Malaysia mengamalkan cadangan IMF atau memencilkan diri dari komuniti global.

*... fortunately, Malaysia did not take the IMF's bitter medicine; we considered the medicine more dangerous than the disease and were stubborn enough to refuse it. Had we acquiesced, we might very well have found ourselves in an even more dire situation than we are in today, deprived not only of money but also of our ability to govern ourselves within our own borders.* (Mahathir 1999: 104)

Selain itu, berikutan menularnya krisis tersebut, ada yang menganggap krisis itu turut membuktikan kegagalan *Asian Values*. Ekoran itu, beliau menyatakan bahawa walaupun beliau menekankan nilai-nilai Asia, ini tidak bermakna nilai-nilai Barat itu buruk. Bahkan, mungkin boleh dibentuk perkongsian bersama dari nilai-nilai tersebut. Antara *Asian values* yang beliau tekankan adalah nilai komuniti dan keluarga berbanding kepentingan individu; dan menghormati pemilik kuasa, terutama hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Walaupun begitu beliau melihat ada nilai-nilai yang perlu diubah dan ada pula nilai-nilai tradisi yang perlu terus dikekalkan terutama yang berkaitan dengan institusi keagamaan dan kekeluargaan (Mahathir 1999: 78). Ini bersesuaian dengan kajian oleh David Hitchcock yang beliau rujuk. Hitchcock telah membuat perbandingan antara masyarakat Timur, yang meletak-

kan kepentingan kepada ‘order, harmoni dan rasa hormat kepada autoriti’, dengan masyarakat Amerika, yang mementingkan hak individu dan perdebatan terbuka. Dr. Mahathir mendapati satu ketika dahulu nilai masyarakat Timur pernah menjadi amalan masyarakat Barat, tetapi telah luntur pada hari ini. Beliau tidak mendapati krisis ekonomi membawa kemudaratan pada nilai tersebut dan masyarakat perlu memastikan tidak berlaku perubahan yang boleh merapuhkan integrasi institusi sosial seperti yang melanda masyarakat Barat iaitu:

*... this change in values in the West has inevitably eroded established institutions and diminished respect for marriage, family, elders, and important customs, conventions and traditions. The new set values largely rejects all that relates to spiritual belief or communal life. Hence, Western societies today are riddled with single-parent families, with homosexuality, with cohabitation, with unrestrained avarice, and, of course, with disrespect for others. Many teachers are afraid of their students, and some have been killed by them. Illegitimate babies outnumber legitimate ones in some societies.* (Mahathir 1999:78)

Beliau juga melihat ini sebagai penjajahan semula orang asing kerana keadaan yang memaksa mereka untuk terus bertahan memerlukan sokongan pihak tersebut.

*... Companies in South Korea, Indonesia and many other East Asian countries desperate for cash are being bought up at discount prices, as a result, an increasing portion of our economies is coming under foreign dominance.* (Mahathir 1999: 62)

Beliau mencadangkan agar diwujudkan sistem nilai baru untuk masa depan berasaskan *mutual respect* yang turut memerlukan ‘*a minimum level of humility on all sides*’ (Mahathir 1999: 79). Pemahaman ke atas nilai yang boleh dikongsi akan membolehkan pembentukan sistem nilai yang menolak amalan buruk sama sekali.

Penulisan ini turut menjadikan Jepun sebagai *role model* Malaysia, yakni melalui pembentukan Dasar Pandang ke Timur (DPT). Ini kerana Jepun telah memberi bukan sahaja keyakinan ekonomi, tetapi juga secara simbolik dan psikologi.

*... Japan has played a pivotal and not entirely selfish role in spurring Asia’s economic growth in the postwar years. Psychologically, it was the Japanese who gave us the belief that even Asians could aspire to the same levels of technical and academic achievement as our former colonial rulers. The Japanese showed us how determination and the will to work hard for your nation could bring a spectacular recovery from the ashes of war. Japan also proved to the world that an Asian country could produce goods as or even better than the quality of goods produced in the West. Thus, the example set by Japan in the post-war period has been of enormous importance, not just economically, but also symbolically and psychologically.* (Mahathir 1999: 83)

Jepun telah ditonjol sebagai gergasi ekonomi Asia. Beliau menganggap Jepun penting untuk masa hadapan ekonomi Asia sebagai pelabur di dalam pengeluaran dan projek infrastruktur. Faktor sejarah turut menjadi faktor penarik



mengapa Dr. Mahathir condong ke arah mereka. Antara pengalaman beliau adalah ketika berniaga di Pekan Rabu satu ketika dahulu, askar Jepun tidak pernah gagal membayar dengan bayaran yang berpatutan walaupun mereka pernah bersifat tidak berpersi kemanusiaan sepanjang zaman pendudukan mereka. Walaupun begitu Jepun telah memainkan peranan penting di dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi selepas perang.

Sejajar dengan matlamat untuk memenuhi objektif DEB, Dasar Pandang ke Timur (DPT) telah dimulakan pada tahun 1981 dengan tujuan memahami dan mempelajari budaya perniagaan Jepun tanpa mengabaikan elemen positif Barat serta mengurangkan *mental dependence* terhadap mereka. Antara yang ditekankan oleh budaya Jepun adalah etika kerja serta strategi pemasaran antarabangsa berdasarkan konsep *sogososhas* untuk mempromosi barangan Jepun yang turut membawa kepada pembentukan *Japan Incorporated*. Inilah yang merupakan elemen yang diutamakan di bawah DPT dengan mempelajari budaya etika kerja Jepun dan Korea. Ini telah menampakkan keberkesannya pada tahun-tahun 1980an dan 1990an dengan adanya sokongan Jepun yang sanggup membantu negara membina ekonomi pada ketika itu sehingga Dr. Mahathir merasa terhutang budi kepada mereka. Kelemahan Jepun adalah ketidakmampuannya memiliki kepimpinan politik yang utuh dan dengan itu, sering dianggap berada di bawah telunjuk Amerika. Ini jelas kelihatan ketika *Asian Monetary Fund* dicadangkan. Walaupun Jepun telah mencadangkannya tetapi cadangan tersebut gagal kerana Amerika mahu terus mendominasi sistem kewangan global. Peluang ini dianggap tidak digunakan oleh Jepun untuk membantu Asia lantas gagal meraih sokongan pada kepimpinan yang boleh dtonjokkan pada ketika itu (Mahathir 1999: 94).

Dr. Mahathir dengan lantang telah mengkritik kehancuran ekonomi Asia yang dipertanggungjawabkan ke atas spekulator matawang asing serta negara Barat, terutamanya Amerika (Mahathir 1999: 122). Beliau mencadangkan spekulator ini juga harus melakukan urusniaga berasaskan kepada ukuran tertentu.

*... currency trading must be forced out into the open. The world acted in concert to prevent money laundering by terrorists and criminals,; there is no reason why the world should not be able to act in concert to regulate currency trading. If such trading is to be allowed, it must be registered and licensed in the countries where traders operate, and taxes must be paid to the countries whose currencies are being used to generate profits.* (Mahathir 1999: 123)

Berdasarkan pengalaman krisis ekonomi 1997-98, beliau merasakan Asia perlu dibina semula memandangkan abad ke-21 akan didominasi oleh komuniti elektronik. Perkembangan ini juga membawa kepada ketidak berkesanan IMF yang tidak menyediakan program yang berkesan dan yang mengakui kesilapan mereka

*...the standard IMF prescription for all the economic ills of nations – high interest rates, balanced budgets and adjustments of current external payments – are not only*

*shortsighted but also fail to recognise the great differences in the economies of the respective countries. These draconian measures were exacerbated by banking reforms which appear to be calculated to increase the number of bankruptcies and business failures, and countries in crisis were asked to dismantle the last bastions of national control over markets and open up to the world.* (Mahathir 1999: 110).

Kritikan ini ditujukan kepada golongan yang memanipulasi matawang dan bukannya kepada spekulator mata wang semata-mata. Strategi yang diambil oleh Malaysia iaitu, *extreme measures for extreme times* dianggap berjaya membawa suntikan baru di dalam kedudukan ekonomi negara dan menolak sama sekali cadangan IMF walaupun ada yang melihat usaha Malaysia adalah untuk mengisolasi diri daripada komuniti antarabangsa. Tohmahan tersebut dilihat tidak berasas kerana Malaysia merupakan negara yang mengamalkan perdagangan antarabangsa.

*... Malaysia decided to regain control of the flows of finance, mainly through two measures: the return of to a fixed exchange rate against the US dollar, and calling back overseas deposits of ringgits, thus internalising our country's assets. Additionally, we imposed some new regulations on stock trading to avoid the damaging effects of shortselling and to introduce a larger degree of transparency into the dealings of the stockbrokers.* (Mahathir 1999: 111)

Beliau turut meninjau kemungkinan-kemungkinan masa hadapan. Pandangan yang beliau kemukakan agak bertentangan dengan pandangan beberapa penganalisis lain, yang melihat bagaimana perubahan ekonomi mungkin menyebabkan berlakunya anjakan kuasa politik dan budaya dari Eropah dan Amerika ke Asia. Beliau dihubungkan secara langsung sebagai sebahagian daripada 'Abad Asia' kerana kelantangan beliau mengenengahkan isu Asia yang dianggap ekstrim oleh Barat dan pada waktu yang sama mempamerkan gaya kepimpinan yang bercirikan tentangan dengan sistem nilai Asia tersebut. Dr. Mahathir pula berpendapat di sebaliknya.

*... the Asian Century will not come, and the era of Asian dominance over this planet will not arrive, and we in Asia should never aspire to a new hegemony, thus merely replacing one with another. The age of imperialism and hegemony must end; they must be buried and their burial celebrated. The 21st century must hold no resurrection of imperialism, no touting of hegemonism, and especially no glorification of dominance- be it political, economic or cultural. The curse of imperialism would not be any less because it is Asian imperialism.* (Mahathir 1999: 129)

Ini kerana selepas krisis, persoalannya bukan lagi sama ada Asia akan mendominasi dunia, tetapi sama ada atau tidak Asia boleh membebaskan diri dari dominasi kuasa-kuasa di luar kawalan. Dr. Mahathir juga mengaku bahawa beliau terlalu idealistik dalam pandangan beliau terhadap dunia berikutan pertumbuhan dan taraf hidup yang baik di kalangan anggota masyarakat Malaysia. Namun, krisis tersebut telah menunjukkan masih terdapat *rule of*

*money* yang menyebabkan dominasi berterusan dan beliau *suffer from animosity*. Beliau mengharapakan akan lahir *World Century* iaitu:

*... A century of prosperity for everyone regardless of their geographical location in the world. There would, of course, still be differences and great challenges in overcoming poverty, hunger and inequality, but we had the opportunity, I believed, to build a world in which all regions could prosper, and where no one supwerpower or block of powers would dictate the terms for all other countries.* (Mahathir 1999: 130)

Walaupun begitu, beliau berpendapat *World Century* harus dibina dengan berasaskan liberalisasi dan kesamarataan, yakni dengan

*...flourishing, responsible and productive democracies. A new world characterised by much greater mutual respect, much greater mutual appreciation, much greater consideration of their interests and feelings of others; and much greater concern for the global commons which is the responsibility of all nations, east, west, north and south.* (Mahathir 1999: 132).

Abad tersebut perlu diwarnai dengan keseimbangan antara nilai-nilai material dan bukan material sejajar dengan elemen kesimbangan antara barat, timur, utara dan selatan. Dengan itu, Asia boleh menjadi rakan yang sama penting dengan semua negara lain. Mahu tak mahu, masa depan Asia banyak bergantung pada orang Asia sendiri. Ini boleh dilakukan dengan mengenengahkan hujah mereka berdasarkan pengalaman lepas dan semasa. Seajar dengan itu, Dr. Mahathir merasakan Jepun mampu mengetuai negara-negara Asia yang lain dan memainkan peranan yang lebih dominan di persada antarabangsa. Jepun mampu mengetuai bukan sebagai usaha menguasai Asia di bawah *Asian Century*, tetapi di bawah *World Century* sebagai komuniti dunia (Mahathir 1999: 134).

Malahan beliau menganggap Jepun boleh bantu mengelak tamparan negatif terhadap dunia Islam.

*... the potential for a major clash between Islam and Western civilizations is quite insignificant, even today with the world in economic crisis. Western theorists promoting this view tend to pick only the extreme manifestations of Islam and they conclude that these represent Islamic civilization as a whole. The vast majority of Muslims, however, live in peace with each other and with the world. There may be lunatic fringes, but very few Muslims have any desire to clash with any other civilization.* (Mahathir 1999:135)

Adalah menjadi harapan Dr. Mahathir agar abad ke-21 membolehkan generasi muda menganggap mereka sebagai *true citizens of the world* (Mahathir 1999:137). Kesamarataan harus menjadi agenda baik di dalam pencarian material mahupun sebagai warganegara dunia dan tidak membenarkan pertembungan tamadun mengambil tempat. Cabaran generasi ini adalah untuk menyesuaikan diri dengan *World Century* dan pada waktu yang sama mengekalkan amalan yang membezakan mereka antara satu sama lain. Ini akan menjadi pelayaran masa depan, iaitu berasaskan pembinaan semula dan penyesuaian supaya akan

terhasil *invisible shoulder* dengan saling membantu antara satu sama lain untuk kemakmuran bersama.

*... instead of trying to beggar our neighbours, we are actively engaged in ensuring our prosperity by fostering their prosperity. We put our 'invisible shouldlers' to their wheel. Imagine the incredible results if the whole world is in the grips not of 'beggar-thy-neighbour' impulses but is given the push of 'prosper-thy-neighbour' attitude and policies.* (Mahathir 1999:141)

Beliau menganggap sikap tamak telah menyebabkan Asia berada pada kedudukan yang dapat dilihat pada hari ini. Untuk mengatasi kemelut ini, maka semua pihak perlu berkerjasama agar keadaan tersebut tidak menjadi suatu yang buruk atau tidak berulang lagi pada masa yang akan datang.

*... human greed can only be curbed by society as a whole, and greed on a global scale only by intense global cooperation. If the global community continues to give a free hand to powerful, greedy 'investors', these will not mind leaving a path of destruction and despair to satisfy their lust for money.* (Mahathir 1999: 141)

Secara keseluruhan, abad ke-21 mungkin menjadi abad Asia jika krisis ekonomi tidak melanda. Namun, Dr. Mahathir berpendapat ia boleh dijadikan sebagai Abad Dunia. Ini sejajar dengan pergerakan manusia, negara yang wujud mungkin tidak lagi berdasarkan *single-ethnic country*, tetapi berdasarkan pelbagai etnik yang mengamalkan pelbagai budaya. Ini akan membawa kepada penyesuaian amalan dan nilai seperti perkahwinan campur, termasuk budaya dan mungkin tidak mengamalkan kehendak agama tertentu. Tidak akan wujud pertembungan tamadun selain daripada mereka akan bertembung di peringkat tempatan atau domestik. Eropah juga dijangka akan gagal untuk mendominasi dunia dan begitu juga dengan mana-mana tamadun atau kumpulan etnik. Asia juga pastinya tidak akan mendominasi dunia, tetapi akan mempunyai hak atau perkongsian mereka di dunia tanpa sempadan di alam yang bergelar *World Century* (Mahathir 1999:151).

## PENUTUP

*Deal* yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir untuk Asia berbeza dari apa yang cuba dikemukakan oleh Presiden Amerika Roosevelt mahupun Truman ketika berhadapan dengan resesi ekonomi tahun-tahun 1930-1940an. Iklim persekitaran dunia Asia yang ditampilkan oleh Dr. Mahathir, iaitu kegawatan ekonomi tahun 1997-1998 merupakan suasana yang berlainan dan memerlukan jalan penyelesaian yang berbeza. *Deal yang* beliau maksudkan bersifat menyeluruh, iaitu bukan sahaja meliputi pembaharuan dalaman tetapi juga di peringkat sejagat atas kepentingan satu komuniti yang berkongsi nilai dan budaya bersama. Isu yang dikemukakan tidak ketinggalan memuatkan kritikan terhadap golongan spekulator yang meroboh ekonomi negara Asia dengan sekelip mata dan

kedudukan negara Barat, yang seolah-olah mahu mengamalkan 'penjajahan semula' ke atas negara Asia. Beliau merasakan sistem nilai baru perlu dilaksanakan untuk mengubah dan membina semula masyarakat Asia supaya dapat maju semula ke hadapan seperti sebelum kegawatan ekonomi 1997-1998 melanda negara-negara Asia. Dr. Mahathir melihat bahawa tidak mustahil dunia boleh melahirkan *World Century* dan bukan *Asia Century* jika kesemua isu ini diberi penelitian sewajarnya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Hamby, Alonzo. 1973. *Beyond the New Deal: Harry S. Truman and American Liberalism*. New York: Columbia.
- Hwang, In-Won. 2003. *Personalized Politics: The Malaysian State Under Mahathir*. Singapura: ISEAS.
- Mahathir Mohamad. 1999. *A New Deal For Asia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Sivamurugan Pandian. 2005. *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.

Sivamurugan Pandian, PhD  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM  
Pulau Pinang  
e-mel: psiva@usm.my

